

AKTA MAKANAN 1983

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2009

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2009**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2010.

Pindaan peraturan 14

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [*P.U.(A)437/1985*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 14 dengan memasukkan selepas subperaturan (8) subperaturan yang berikut:

“(9) Tiada seorang pun boleh-

- (a) mengalih, memadam, meminda, menutup, menindih atau dengan apa-apa cara mengubah apa-apa tanda tarikh pada apa-apa bungkusan makanan;
- (b) mengimport, menyediakan untuk jualan atau menjual apa-apa bungkusan makanan yang telah luput; atau
- (c) mengimport, menyediakan untuk jualan atau menjual apa-apa bungkusan makanan yang telah disimpan dalam keadaan yang berlawanan dengan apa-apa syarat penyimpanan yang dinyatakan pada label makanan itu.”.

Peraturan baru 139A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 139 peraturan yang berikut:

“Konfeksi jeli terkawal 139A. (1) Konfeksi jeli terkawal ialah apa-apa konfeksi sajian yang baginya suatu standard ditetapkan dalam peraturan 139 dan sedia untuk dimakan, dengan saiz dan bentuk yang kurang atau sama dengan 45 milimeter dalam diameter suatu produk berbentuk sfera atau menyerupai produk berbentuk sfera. Konfeksi jeli terkawal termasuklah jeli cawan mini dan produk lain yang serupa.

(2) Tiada seorang pun boleh mengimport, mengilang, mengiklan untuk jualan atau menjual apa-apa konfeksi jeli terkawal.”.

Pindaan Jadual Ketujuh

4. Daftar 1 Jadual Ketujuh kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong butiran “Red 2G” dan butiran yang berhubungan dengannya.

Dibuat 13 November 2009
[KKM- 163;PN(PU²)418/XIV]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan